

Kembara kemanusiaan



pengurusan Usim dalam melaksanakan program kemasyarakatan yang melibatkan komuniti antarabangsa.

Program seperti ini perlu dicontohi institusi lain kerana memberi peluang kepada penuntut untuk menabur bakti di peringkat antarabangsa.

BANDAR SIBUK KURANG DISIPLIN

Sepanjang pemerhatian di New Delhi, kebanyakan mereka hanya tidur di tepi-tepi jalan dan menjadikan setiap ruang sebagai tempat tidur. Kami sentiasa dibingitkan bunyi hon tidak henti-henti kerana sikap tidak disiplin mereka ketika di jalan raya.

Tetapi kami sangat terpaku dengan sikap tolak ansur mereka di jalan raya. Berbeza dengan pengguna jalan raya di negara kita.

Mereka akan memberi laluan kepada bas pelancong berbanding kenderaan lain, dan ini adalah antara cara mereka menghormati tetamu. Dengan tolak ansur inilah kadar kemalangan jalan raya mereka sangat kurang berbanding Malaysia.

Apabila melihat pada kesusahan rakyat India yang kebanyakan tiada rumah (*homeless*) tidak terfikir di benak fikiran kami akan cara mereka memuliakan tetamu. Semasa tiba di kampung Islam di Agra, dikerumuni penduduk kerana teruja dengan kehadiran kami. Sambutannya sungguh luar biasa lebih-lebih lagi kunjungan ini adalah secara mengejut.

Masjid mereka sangat daif jika dilihat dari luar. Sangat tidak sempurna infrastruktur bangunannya tetapi masjid dilengkapi kemudahan cukup dengan PA sistem, pembaras suara, dan sebagainya. Rata-rata kawasan di India memang kotor walaupun sekitar tempat pelancongan terkenal seperti Taj Mahal, Agra Fort, Jama Masjid dan lain-lain.

Walaupun begitu, adab mereka dengan tetamu layak mendapat pujian. Ke mana sahaja kami pergi, rombongan ini menjadi perhatian.

Kesederhanaan di India tidak menyekat mereka untuk memuliakan tetamu malah melahirkan rasa syukur dan insaf dalam kalangan peserta yang sering lupa diri bila bahagia menguasai.

Misi ini diketuai, Dr Muhammad Aunurrochim Mas'ad bertujuan memberi khidmat masyarakat dari aspek sumbangan tenaga, ilmu dan material di benua kecil India. Ia secara tidak langsung melatih mahasiswa yang prihatin dengan kebajikan masyarakat Islam seluruh dunia.

Secara keseluruhan, sambutan di India amat memberangsangkan sehingga ada dalam kalangan peserta memasang angan-angan untuk ke sana lagi.

Segelintir individu berpandangan negatif terhadap negara India kerana faktor kotor. Negara yang paling ramai penduduk di dunia itu memberi imej kurang senang dalam kalangan pelancong, namun ia tidak dijadikan alasan kepada 22 penuntut Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) untuk memilih India sebagai destinasi lawatan misi Tautan Mahabbah dan Kebajikan.

Penuntut Fakulti Syariah dan Undang-Undang ini punya agenda tersendiri, dan situasi itu langsung tidak mematahkan semangat mereka meneruskan hasrat menyelami kehidupan masyarakat Muslim New Delhi.

Tiba di India pelbagai perkara bersarang di minda. Maklumlah seperti kata pepatah, hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri, lebih baik negara sendiri. Kalangan kami masing-masing berfikir cara untuk menyesuaikan diri. Bermacam-macam perasaan bermain di fikiran, risau, teruja dan sebagainya.

Semasa di lapangan terbang sambil menunggu ketibaan bas pelancong, banyak anjing berkeliaran, mengelilingi dan menghampiri kami dengan nyalakan tidak henti. Mungkin itu salah satu cara anjing di sini menyambut ketibaan pelancong.

Apabila memasuki bas pelancong untuk dibawa ke hotel, kami sangat bertuah kerana menerima kalungan bunga Marigold daripada agensi pelancong di sana. Kami begitu teruja, belum pernah berasa dikalung bunga walaupun di negara sendiri. Kami difahamkan kalungan bunga itu salah satu cara masyarakat India menyambut baik kehadiran pelancong asing.

Kalungan bunga disimpan dan dibawa pulang ke Malaysia untuk diabadikan sebagai kenangan. Ini adalah tradisi orang India bila menyambut pelancong asing sebagai tanda penghormatan.

Mereka sangat teruja untuk menceritakan kehidupan masyarakat di sini, melawat kawasan tumpuan pelancong serta melihat sendiri karya agung sejarah.

TERIMA LAYANAN ISTIMEWA

Bukan itu sahaja yang tersemat dalam ingatan, kami juga disambut meriah oleh pelajar sekolah seolah-olah rombongan ini golongan artis terkenal. Semua berebut-rebut bersalaman, berpelukan dan bergambar.

Amat mengujakan, sungguh terharu kami sebagai tetamu dengan layanan sedemikian. Kami diberi peluang mengajar mereka bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Mereka juga memberi maklum balas sangat baik. Masing-masing teruja untuk mengetahui istilah bahasa mereka bila ditukar kepada bahasa Melayu. Mereka tidak mengambil masa yang lama untuk mempelajari bahasa ibunda kita.

Lebih mengejutkan ketika ingin ke tandas untuk berwuduk, pelajar itu menyerahkan seliparnya kepada kami untuk digunakan ke tandas dan dia sanggup berkaki ayam.

Segala puji bagi ALLAH yang menampakkkan kami tentang cara memuliakan tetamu.

Apabila melintasi mana-mana kawasan di perkampungan India ataupun ketika melawati tempat bersejarah, mereka akan menyapa kami *where are you from?*, dan kami mengatakan Malaysia. Mereka akan menunjukkan *good*.

Ini menunjukkan mereka memberi perspektif yang baik kepada Malaysia. Pada pandangan mereka, Malaysia adalah negara yang sangat bagus kerana selesa dan aman.

Sikap pemurah rakyat Malaysia sendiri yang sentiasa menghulurkan bantuan di mana-mana negara yang memerlukan juga menjadikan negara sering disanjung tinggi. Syabas untuk warga Malaysia!

PROGRAM BERNILAI TINGGI

Begitu juga program yang kami laksanakan ini. Ia adalah inisiatif yang digerakkan



Mengunjungi sekolah di New Delhi dan sempat bertukar-tukar bahasa.

INFO Siswa siswi yang ingin berkongsi pengalaman kembara, sila emailkan kepada salwani@sinarharian.com.my